

 KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA	LEMBAGA PENILAIAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (LPKKKP)		
	Syarat dan Format Peperiksaan Jurutera Dandang Stim Gred 1 (SBE G1) / Jurutera Dandang Stim Gred 2 (SBE G2)		
	No. Dokumen	Tarikh	Muka Surat
	600-6-12/3A	23.12.2025	1/3

1. Syarat Kemasukan

1.1. Syarat Umum

- 1.1.1. Warganegara Malaysia; **DAN**
- 1.1.2. Boleh berkomunikasi secara lisan dan menulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris; **DAN**
- 1.1.3. Telah melengkapkan kursus Jurutera Dandang Stim di Penyedia Latihan Berdaftar (PLB) yang diiktiraf oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP); **DAN**

1.2. Syarat Khas Jurutera Dandang Stim Gred 2

- 1.2.1. Mempunyai sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh *Malaysian Qualifications Agency* (MQA); **DAN**
- 1.2.2. Sekurang-kurangnya telah berdaftar sebagai Jurutera Siswazah dengan Lembaga Jurutera Malaysia (BEM); **ATAU**

1.3. Syarat Khas Jurutera Dandang Stim Gred 1

- 1.3.1. Mempunyai pengalaman kerja mengendalikan, menangani atau menjaga dandang stim yang mempunyai permukaan pemanasan, atau jumlah keseluruhan permukaan pemanasan bagi dandang-dandang stim yang disambungkan kepada suatu julat yang sama, adalah lebih daripada dua ratus (200) meter persegi; **DAN**
- 1.3.2. Mempunyai Sijil Perakuan Pendaftaran Jurutera Dandang Stim Gred 2 dengan JKKP.

2. Tempoh Menduduki Peperiksaan

Peserta kursus perlu menduduki peperiksaan pertama dalam tempoh **satu (1) tahun** dari tarikh tamat kursus.

	LEMBAGA PENILAIAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (LPKKKP)					
	Syarat dan Format Peperiksaan					
	Jurutera Dandang Stim Gred 1 (SBE G1) / Jurutera Dandang Stim Gred 2 (SBE G2)					
	No. Dokumen	Tarikh		Muka Surat		
	600-6-12/3A	23.12.2025		2/3		

3. Format Peperiksaan

Komposisi kertas peperiksaan adalah seperti berikut:

3.1. Jurutera Dandang Stim Gred 2

KERTAS	BAHAGIAN	FORMAT	JUMLAH SOALAN	MASA	MARKAH LULUS	YURAN (RM)
1	A	Soalan Aneka Pilihan	40	1 jam	60%	RM200.00
	B	Struktur	2	1 jam 30 minit	60%	
		Esei	1			
2	-	Praktikal	-	45 minit	60%	RM350.00
JUMLAH						RM550.00

NOTA:

- Calon yang gagal mana-mana kertas perlu mengulang kertas yang gagal sahaja.
- Calon perlu lulus Bahagian A dan B bagi Kertas 1.

3.2. Jurutera Dandang Stim Gred 1

KERTAS	BAHAGIAN	FORMAT	JUMLAH SOALAN	MASA	MARKAH LULUS	YURAN (RM)
1	A	Soalan Aneka Pilihan	40	1 jam	60%	RM200.00
	B	Struktur	2	1 jam 30 minit	60%	
		Esei	1			
2	-	Praktikal	-	45 minit	60%	RM350.00
JUMLAH						RM550.00

NOTA:

- Calon yang gagal mana-mana kertas perlu mengulang kertas yang gagal sahaja.
- Calon perlu lulus Bahagian A dan B bagi Kertas 1.

 KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA	LEMBAGA PENILAIAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (LPKKKP)		
	Syarat dan Format Peperiksaan Jurutera Dandang Stim Gred 1 (SBE G1) / Jurutera Dandang Stim Gred 2 (SBE G2)		
	No. Dokumen	Tarikh	Muka Surat
	600-6-12/3A	23.12.2025	3/3

4. Bahasa

Kesemua soalan adalah dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

5. Peperiksaan Ulangan

- 5.1. Calon perlu melengkapkan peperiksaan dalam tempoh **dua (2) tahun** dari tarikh peperiksaan pertama.
- 5.2. Calon yang telah melebihi tempoh **dua (2) tahun** akan berstatus gagal dan perlu menghadiri kursus semula.

6. Sijil Kelayakan

Sijil Kelayakan akan diberikan kepada calon yang lulus peperiksaan

NOTA:

Rujuk Panduan Kelayakan Pendaftaran Jurutera Dandang Stim di laman sesawang JKPP bagi pendaftaran dan pembaharuan Orang Kompeten Jurutera Dandang Stim.

Disediakan oleh :

Sekretariat
Jawatankuasa Kompetensi Jurutera dan Operator Dandang Stim
Lembaga Penilaian Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP)
d/a Bahagian Peperiksaan dan Persijilan (ECD)
NIOH

Tarikh kelulusan Lembaga Penilaian Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP) : 23 Disember 2025
Tarikh kuat kuasa : 1 Januari 2026